

**Bil. 18**

**Khamis**

**16 Ogos 2018**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Tadbir Urus Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)**  
- *YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir (Johor Bahru)* [Halaman 1]
  
- **Memohon Kerajaan Menyelidik Dan Mengambil  
Tindakan Segera Perkara Berkaitan Projek RTB  
Lembangan Sungai Kerian**  
- *YB. Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali (Bagan Serai)* [Halaman 5]

**MALAYSIA**  
**KAMAR KHAS**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Khamis, 16 Ogos 2018**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**  
**DOA**  
*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)*  
*mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL**  
**BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Tadbir Urus Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)**

**2.34 ptg.**

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan ya. Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah ditubuhkan pada tahun 1987 berdasarkan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Melalui peruntukan akta ini, AIM mendapat pengecualian cukai di bawah seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang mana turut menyatakan bahawa organisasi tersebut tidak boleh memiliki anak syarikat (subsidiari).

AIM juga menerima dana daripada kerajaan untuk manfaat golongan B40. Namun, timbul kemusykilan terhadap AIM apabila AIM boleh memiliki anak syarikat iaitu Amanah Ikhtiar Malaysia Sdn Bhd (AIMSB) dengan pegangan 100 peratus milikan saham. Adakah Ahli Lembaga Pemegang Amanah AIM turut menjadi lembaga pengarah di AIMSMB? Adakah kementerian mendapat laporan penuh dari segi prestasi dan kewangan AIMSMB?

Bagaimana pula dengan anak-anak syarikat AIMSMB? Adakah kerajaan mendapat laporan penuh dari segi prestasi dan kewangan anak-anak syarikat tersebut. Adakah perkara ini ada termaktub atau dibenarkan oleh Suratcara Ikatan Amanah (*trust deed*) AIM sendiri? Bagaimana pula dengan komposisi Ahli Lembaga Pemegang Amanah AIM sekarang ini? Apakah pertimbangan yang dibuat untuk lantikan mereka dan berapa ramai *ex officio* daripada wakil kerajaan? Apakah bentuk-bentuk manfaat dan emolumen yang

diterima oleh mereka dan juga pengurusan tertinggi AIM, AIMSB, anak-anak syarikat AIMSB dan Koperasi AIM? Apakah jaminan bahawa mereka ini akan memainkan peranan timbal balik (*check and balance*), tadbir urus korporat (*corporate governance*) dan juga menjaga kepentingan kerajaan? Sekian, terima kasih.

### **2.36 ptg.**

**Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Johor Bahru. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin baca sedikit latar belakang Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) diperbadankan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] pada 20 Oktober 1988 oleh sekumpulan pengasas seperti berikut:

- (i) Yang Berbahagia Profesor David S. Gibbons;
- (ii) Encik Sukor Kasim;
- (iii) Encik Jabbari Ahmad;
- (iv) Yang Berbahagia Profesor Syed Othman Al Habshi; dan
- (v) Encik Ismail Basri.

Objektif utama penubuhan AIM sebagaimana Surat Ikatan Amanah bertarikh 17 September 1987 adalah untuk membantu isi rumah termiskin untuk mengeluarkan mereka daripada kemiskinan terutamanya melalui Pinjaman Ikhtiar yang digunakan untuk membiayai kegiatan yang menghasilkan pendapatan. Penubuhan anak syarikat AIM iaitu Amanah Ikhtiar Malaysia Sdn Bhd (AIMSB) adalah di bawah Akta Syarikat 2016 dan tertakluk kepada pengawalseliaan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Pada masa yang sama, AIM sendiri telah diluluskan status pengecualian cukai di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 mulai 1 Januari 1993.

Sekarang saya akan pergi kepada maklum balas kepada usul yang berkaitan dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Johor Bahru. Pertamanya, adakah Ahli Lembaga Pemegang Amanah AIM turut menjadi lembaga pengarah di AIMSB (Amanah Ikhtiar Malaysia Sdn Bhd). Jawapannya, ya. Daripada tiga orang lembaga pengarah AIMSB, dua orang daripadanya adalah Ahli Lembaga Pemegang Amanah AIM iaitu pertamanya, Yang Berbahagia Almarhum Datuk Dr. Zubir Harun. Baru meninggal dunia dan mantan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah AIM. Keduanya, Yang Berbahagia Datuk A. Manaf bin Hussin, Pengerusi Semasa Lembaga Pemegang Amanah AIM.

Untuk soalan kedua, adakah kementerian mendapat laporan penuh dari segi prestasi

dan kewangan AIMS B. AIM dan AIMS B adalah dua entiti yang berasingan. AIMS B didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 pada 18 Februari 2004 dan tertakluk kepada pengawalseliaan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Yang Berhormat Johor Bahru kena pastikan selepas ini dapatkan maklumat lanjut daripada itulah.

Bagaimana pula dengan anak-anak syarikat AIMS B, ini soalan yang seterusnya. Adakah kerajaan mendapat laporan penuh dari segi prestasi dan kewangan anak-anak syarikat tersebut.

■1440

AIM dan anak syarikat AIMS B adalah dua entiti yang berasingan. Anak-anak syarikat AIMS B didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 dan tertakluk pada pengawalseliaan oleh suruhanjaya. Jadi kami tidak boleh hendak bagi jawapanlah sebab ini di bawah kementerian lain ya. Keempat adakah perkara ini ada termaktub dan dibenarkan oleh surat cara ikatan amanah ataupun *trust deed* AIM sendiri. Berdasarkan kepada surat ikatan amanah bertarikh 26 April 2012, klausa 3(c) menyatakan bahawa yayasan "*shall not trade or engage in any form of business*".

Justeru itu adalah jelas, bahawa surat ikatan amanah nasional tidak membenarkan sebarang pelaksanaan aktiviti berbentuk perniagaan. Oleh demikian, AIM tidak boleh menubuhkan AIMS B. Soalan seterusnya adalah bagaimana pula dengan komposisi ahli lembaga pengarah Amanah AIM sekarang ini? Apakah pertimbangan yang dibuat untuk lantikan mereka dan berapakah ramai *ex officio* daripada wakil kerajaan,

Komposisi lembaga pemegang amanah AIM berdasarkan surat ikatan amanah bertarikh 26 April 2012 adalah seramai 14 orang. Ia dilantik atas kapasiti individu dan wakil kementerian ataupun jabatan. Pertimbangan kepada pelantikan ahli lembaga pengarah pemegang amanah diputuskan oleh lembaga pemegang amanah dan tertakluk kepada kelayakan sebagaimana peruntukan seksyen 6A Akta 258 sebagaimana berikut:

- (i) tidak diisytiharkan bankrap atau belum dilepaskan daripada kebangkrapan (*not fully discharge*);
- (ii) telah ataupun diisytiharkan sebagai tidak siuman;
- (iii) tidak pernah disabitkan di bawah mana-mana undang-undang atas apa-apa kesalahan dan dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada RM1,000 atau penjara tidak kurang daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali;
- (iv) tidak pernah dibuat atau berkuat kuasa satu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri, reputasi, sekatan,

pengawasan dengan bon atau sebaliknya di bawah undang-undang di Malaysia.

Berdasarkan rekod Bahagian Hal Ehwal Undang-undang kementerian ini atau (BHEUU) surat bertarikh 26 April 2012, ini berdasarkan rekod kami ya BHEUU, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, jumlah ahli lembaga pengarah adalah 14 orang iaitu:

- (i) Yang Berbahagia Profesor David S. Gibbons (Pengerusi);
- (ii) Encik Sukor Kasim;
- (iii) Encik Jabbari Ahmad;
- (iv) Yang Berbahagia Profesor Syed Othman Al Habshi;
- (v) Encik Ismail Basri;
- (vi) Yang Berhormat Haji Amihamzah bin Ahmad;
- (vii) Wakil Unit Perancang Ekonomi, Encik Muhamad bin Idris;
- (viii) Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;
- (ix) Wakil Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Encik Mohamad bin Abdullah;
- (x) Wakil Kementerian Kewangan, Dr. A Manaf bin Hussin;
- (xi) Wakil Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Cik Normi binti Nordin;
- (xii) Puan Hajah Zabidah binti Ismail;
- (xiii) Encik Zubir bin Harun; dan
- (xiv) Encik Hashim Mohamad.

Walau bagaimanapun berdasarkan maklumat yang diterima oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-undang kementerian ini, komposisi ahli lembaga pengarah adalah seramai enam orang sahaja iaitu Yang Berbahagia Dr. Zubir bin Harun (Pengerusi) yang saya tadi saya kata baru meninggal dunia dan digantikan oleh Yang Berbahagia Datuk Dr. A Manaf bin Husin. Yang Berbahagia Datuk A Manaf bin Husin, Yang Berbahagia Datuk Yusoff bin bin HM Hanif, Yang Berbahagia Haji Mohamad Shahaimi bin Othman, Yang Berbahagia Encik Norsharizal bin Mashahrin dan Yang Berbahagia Encik Hazim bin Jamaluddin.

Terdahulu daripada itu, terdapat pelantikan *ex officio* wakil kerajaan dalam lembaga pemegang amanah namun semenjak tahun 2012 tidak terdapat wakil kerajaan yang dilantik sebagai *ex officio* dalam lembaga pemegang amanah.

Keenam, soalan pecahannya ialah apakah bentuk-bentuk manfaat dan emolument yang di terima oleh mereka dan juga pengurusan tertinggi AIM, AIMSB, anak-anak syarikat AIMSB dan Koperasi AIM?

Manfaat dan emolumen yang diterima oleh ahli Lembaga Pemegang Amanah AIM. Saya hendak ulang balik, kami hanya AIM sahaja ya. Berdasarkan Laporan Pengauditan Khas Terhadap Pengurusan Dana dan Aktiviti Pembiayaan Amanah Ikhtiar Malaysia oleh Sektor Audit Tadbir Urus, Jabatan Audit Negara adalah seperti berikut. Pertama, Pengerusi Eksekutif AIM. Manfaat yang diterima adalah Elaun Tetap Bulanan dan elaun lain secara bulanan, cuti tahunan, kenderaan dan penyelenggaraan kenderaan, *internet broadband*, *Macbook Pro* dan pemberian bonus dan sagu hati.

Untuk Ahli Lembaga AIM, elaun bulanan dan pemberian bonus dan sagu hati. Bagi AIMSMB dan anak-anak syarikat adalah tertakluk kepada pengawalseliaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia manakala Koperasi AIM adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Terakhir, apakah jaminan bahawa mereka ini akan memainkan peranan timbal balik (*check and balance*), tadbir urus korporat (*corporate governance*) dan juga menjaga kepentingan kerajaan? Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan perundangan yang berkaitan bagi memastikan AIM mematuhi objektif penubuhannya serta memainkan peranan timbal balik, tadbir urus korporat dan juga menjaga kepentingan kerajaan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

### **Memohon Kerajaan Menyelidik Dan Mengambil Tindakan Segera Perkara Berkaitan Projek RTB Lembangan Sungai Kerian**

**2.46 ptg.**

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, Projek RTB Lembangan Sungai Kerian bermula Mac 2012 dengan bajet RM490 juta melibatkan Perak, Kedah dan Pulau Pinang. Di Perak, projek ini siap pada bulan Januari 2016. Projek ini telah mengurangkan 75 peratus masalah banjir yang dialami selama ini. Limpahan air dari Sungai Kerian dan Sungai Kurau yang menyebabkan banjir tidak berlaku lagi.

Objektif utama projek ini untuk memberi perlindungan dari banjir dengan 20 ARI tercapai. Kampung-kampung seperti Kampung Ban Pisang, Alor Setanggok, Parit Simpang 4 dan Parit Simpang 5 terselamat dari banjir. Walau bagaimanapun, banjir kilat sering berlaku bila hujan lebat berterusan di kawasan tadahan air Tasik Bukit Merah. Aliran ini bertakung dan susah untuk mengalir keluar disebabkan paras air sungai yang tinggi.

JPS Kerian telah mengenal pasti kaedah-kaedah menyelesaikan masalah ini dengan pelan menyediakan pam kekal, menambah ketinggian ban-ban dan membaik pulih ban-ban yang ada mendapan serta menaik taraf pintu-pintu kawalan air. JPS Kerian juga telah memohon peruntukan tambahan dalam RMKe-11, Rolling Plan 4 untuk projek RTB Sungai Kurau dan Sungai Samagagah–Sungai Beriah berjumlah RM22.385 juta.

Apakah tindakan kementerian atas permohonan ini demi membantu rakyat di Parlimen Bagan Serai yang resah dengan masalah yang berterusan, mengganggu gugat aktiviti harian mereka serta pendapatan untuk meneruskan hidup. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Minta Yang Berhormat Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli untuk menjawab.

**2.48 ptg.**

**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Bagan Serai. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Pengaliran dan Saliran telah melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kerian untuk mengurangkan risiko banjir di kawasan Bagan Serai dan juga beberapa daerah lain di negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah.

Projek ini melibatkan Lembangan Sungai Kerian di sebelah Perak dan Kedah, sebahagian besarnya telah siap dilaksanakan pada tahun 2017 dan hanya projek di sebelah Pulau Pinang dijangka akan siap pada tahun ini. Projek tersebut telah bermula pada tahun 2012 yang pada asalnya melibatkan kos sebanyak RM490 juta tetapi ia meningkat kepada RM575 juta disebabkan oleh peningkatan kos pengambilan balik tanah.

Untuk mengatasi masalah banjir kilat yang berlaku di beberapa kawasan lain di dalam Lembangan Sungai Kerian, Sungai Kurau dan Sungai Samagagah–Sungai Beriah, CAP ada memohon kepada pihak Kerajaan Persekutuan dalam *Rolling Plan 4* RMKe-11, walau bagaimanapun ia tertakluk kepada keutamaan projek-projek yang dipohon seluruh negara dan juga kedudukan kewangan kerajaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

***[Kamar Khas tamat pada pukul 2.50 petang]***